

Uchapan ADHO
517
136/80

Uchapan Y.B. Menteri Pelajaran
di-Upachara Pembukaan Rasmi Wokshop
Pertukangan Maktab Perguruan Teknik
Kuala Lumpur pada 30hb Mach, 1972
Pukul 10.00 pagi

Saya mengucapkan terima kaseh kepada Pengetua, Pensharah2 dan penuntut2 Maktab ini, kerana menjemput saya membuka dengan rasmi-nya wokshop baru bahagian pertukangan Maktab ini. Saya telah di-fahamkan bahawa, upacara pada hari ini, bukan sahaja bertujuan untuk membuka dengan rasmi wokshop baru, tetapi juga untuk menyambut Ulang Tahun ka-sapuluh Maktab ini. Dalam masa ujud-nya sa-lama 10 tahun, Maktab ini telah ber-kembang dengan pesat-nya dari segi bangunan, bilangan penuntut dan kursus2-nya.

2. Maktab ini telah di-buka pada tahun 1962 di-Jalan Damansara, tetapi bangunan Maktab seperti yang ada sekarang, telah di-bena pada tahun 1968. Oleh kerana bilangan penuntut sudah bertambah, dan pelajaran teknik dan vokeshenal telah mula menjadi penting, maka kerajaan telah mendirikan 4 wokshop yang Tuan2 dan Puan2 saksikan sekarang ini. Pembinaan 4 wokshop baru ini ^{yang menelan belanja sebanyak \$700,000/-} ada-lah hasil dari hasrat kerajaan untuk membesarkan lagi Maktab ini, supaya dapat menampung penuntut2 per-tukangan yang sekarang ini berjumlah 281 orang. Salain dari pembinaan wokshop baru ini, sudah ada rancangan

...2/-

Fail
11/3/4/72

untuk mendirikan sa-buah asrama pada tahun ini, kerana dua buah asrama yang ada sudah tidak menchukupi bagi menempatkan 549 orang penuntut ketika ini, termasuk yang 281 orang itu. Kursus2 yang di-jalankan di-Maktab ini pun sudah bertambah.

Pada mula-nya, Maktab ini mengadakan kursus seni perusahaan untuk melateh guru2 bagi sekolah menengah rendah, tetapi pada tahun 1969, Kursus Pertukangan diadakan, akibat dari penyatuan Maktab Perguruan Pertukangan, Kuantan, dengan Maktab Perguruan Teknik, Kuala Lumpur. Pada tahun ini pula, kursus pengajian perdagangan telah di-pindahkan dari Maktab Perguruan Ilmu Khas ka-Maktab ini. Di-sini jelas-lah bahawa, terdiri-nya Maktab ini dan usaha2 untuk membesarkannya, ada-lah di-sebabkan pandangan kerajaan dalam zaman sains dan teknologi ini, peri penting-nya pelajaran teknik dan vokeshenal. Dalam usaha Kerajaan untuk memperbaiki kehidupan ra'ayat di-luar bandar, perhatian khas ada-lah di-beri kapada Maktab ini dan pelajar2-nya, supaya pelajar2 di-Maktab ini dapat memberi kesedaran kapada murid2 di-luar bandar agar mereka gemarkan mata2 pelajaran Seni Perusahaan dan Pertukangan dan Pengajian Perdagangan.

Pembinaan wokshop baru ini akan menambahkan lagi kemudahan2 bagi penuntut2 yang mengikuti kursus

Binaan Bangunan, Kerja2 Kepingan Logam dan Kimpalan, Kajisawat Motor dan Latehan Mesin Shop, yang akan ditempatkan di-wokshop2 ini. Saya berharap sangat2 supaya kemudahan2 ini dapat di-gunakan dengan sa-luas2-nya oleh penuntut2 Maktab ini. Negeri kita sangat2 memerlukan kakitangan teknik yang mahir, untuk melaksanakan projek2 dalam Rancangan Malaysia yang Kedua.

Penuntut2 sekalian harus memainkan peranan yang penting untuk menjayakan Rancangan Malaysia yang Kedua ini, dengan belajar bersungguh2 dan menyampaikan pelajaran2 itu nanti kepada murid2 sekolah vokeshenal dan sekolah menengah, lebeh2 lagi kepada penuntut2 pertukangan, sa-ramai 96 orang yang akan tamat latehan pada hujung bulan ini dan yang merupakan guru2 pelateh pertukangan yang pertama di-negara kita ini. Sabagai peneroka, penuntut2 semua mesti-lah menunjukkan kebolehan, kerajinan, tanggung-jawab dan semangat yang luar biasa, kerana kejayaan rancangan pertukangan khas-nya dan rancangan kerajaan untuk memajukan pelajaran teknik dan vokeshenal sam-nya, bergantung kepada kerja2 di-sekolah2.

Saya telah di-fahamkan bahawa, pehak swasta telah memberi kerjasama kepada Maktab ini, dengan membenarkan penuntut2 pertukangan Maktab ini mendapat latehan perusahaan di-firma2 mereka. Kerjasama antara pehak

swasta dengan Maktab ini sangat menggalakkan, dan diharapkan kerjasama ini akan terjalin dengan lebih erat lagi. Saya ucapkan terima kasih.


Saya berharap juga pihak swasta dapat melanjutkan kerjasama ini dengan pihak kerajaan, dengan memberi peluang pekerjaan kepada penuntut2 keluaran sekolah vokeshenal, kerana usaha kerajaan untuk menggalakkan pelajaran teknik dan vokeshenal tidak akan berkesan tanpa kerjasama dari pihak swasta, khas-nya dalam hal memberi peluang kerja kepada keluaran2 sekolah vokeshenal.

Satu lagi faktor yang menentukan kejayaan pelajaran vokeshenal ia-lah, sikap ibu bapa terhadap pelajaran vokeshenal itu. Ada ibu bapa yang masih lagi menganggap bahawa, murid2 yang 'chichir' atau yang lemah dalam pelajaran akademik sahaja yang memohon memasoki sekolah2 vokeshenal. Anggapan ini salah, kerana permohonan2 untuk memasoki sekolah2 vokeshenal ini sudah di-banjiri oleh penuntut2 yang mendapat pangkat A dalam Sijil Rendah Pelajaran, khas-nya dalam bidang kejuruteraan. Oleh itu, saya berharap ibu bapa yang belum sedar lagi, akan segera menukarkan sikap mereka dengan menghantar anak2 mereka ka-sekolah vokeshenal. Sa-lain dari itu, penuntut2 keluaran sekolah2 vokeshenal akan mempunyai banyak peluang melanjutkan pelajaran tinggi masing2 ka-Institusi Teknologi MARA,

Politeknik Ungku Omar, Ipoh, dan Instituti Teknologi
Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Saya juga hendak mengucapkan terima kaseh dan memberi penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan Canada, kerana telah membantu Kerajaan Malaysia di bawah Rancangan Colombo, untuk menjayakan rancangan2 pertukangan yang ada sekarang ini, dari segi kakitangan dan bantuan wang. Khas-nya, saya mengucapkan terima kaseh kepada Ketua Penasehat, Enche Pedersen, dan tujuh orang penasehat2 teknik dari Canada di-Maktab ini, kerana membantu pensharah2 tempatan di-Maktab ini dalam menjalankan kursus pertukangan kejuruteraan.

Saya dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan wokshop baru Maktab Perguruan Teknik ini.



Politeknik Ungku Omar, Ipoh, dan Institut Teknologi
Kebangsaan, Kuala Lumpur.

Saya juga hendak mengucapkan terima kasih
dan memberi penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan
Canada kerana telah membantu Kerajaan Malaysia di-
bawah Rancangan Colombo untuk menajaikan rancangan
pertukaran yang ada sekarang ini, dari segi kakitangan
dan bantuan wang. Khususnya, saya mengucapkan terima
kasih kepada Ketua Pensekret, Inche Pederben, dan tuju
orang pensekret teknik dari Canada di-Maktabah ini,
kerana membantu penaharuan tempatan di-Maktabah ini dalam
menjalankan kerja pertukaran-kerja tersebut.
Saya dengan sukacitanya merasa pemuasan
walaupun baru Maktabah Perguruan Teknik ini.



No. Siri 97
No. Penerimaan 97/80